

Masa: 1 Jam 15 Minit**Bahagian A****/ 10 Markah****Soalan 1 dan 2***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

1. Faizah dan keluarganya telah bercuti ke _____ semasa cuti persekolahan yang lalu.
- A Hospital Pantai
 - B Restoran Ibunda
 - C Hutan Lipur Ulu Yam
 - D Bengkel Kereta Cheng Hwa
2. Cikgu Low Peng akan bersara pada akhir tahun ini. _____ telah berkhidmat di SJKC Bukit Mewah selama 30 tahun.
- A Dia
 - B Kamu
 - C Beliau
 - D Kalian

Soalan 3*Pilih ayat yang betul.*

3. A Wah Aina, telah mendapat keputusan yang cemerlang pada Ujian Akhir Sesi Akademik ini!
- B Murid-murid tahun 6 Raya telah berhasil kerusi serba guna yang mempunyai banyak faedahnya.
- C Puan Hayati telah mengutuskan seutas surat kepada sahabat karibnya yang berada jauh di Sabah.
- D Sepasang kembar sedang bermain basikal dengan gembira sekali di Taman Rekreasi Cahaya Intan.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BANGI, 16 Disember – Hujan lebat selama tiga hari telah menyebabkan berlakunya tanah runtuh di Jalan Bangi Lama kira-kira jam 11 malam semalam. Tanah runtuh tersebut telah menyebabkan laluan Semenyih-Bandar Seri Putra terpaksa ditutup buat sementara waktu.

Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah melakukan penutupan jalan di laluan tersebut dan telah membuka laluan alternatif untuk pengguna jalan raya itu. Pihak MPKJ juga telah menasihatkan pengguna jalan raya agar segera menghubungi pihak berkuasa sekiranya berlaku tanah runtuh susulan. Selain itu, pengguna perlu lebih berhati-hati sekiranya berlaku hujan lebat lagi serta elakkan daripada menggunakan jalan yang berisiko untuk berlakunya tanah runtuh.

4. Apakah yang telah terjadi setelah hujan lebat selama tiga hari?
 - A Menyebabkan berlakunya tanah runtuh di Bangi.
 - B Menyebabkan berlakunya tanah runtuh di jalan raya.
 - C Menyebabkan berlakunya tanah runtuh di Jalan Bangi Lama.
 - D Menyebabkan berlakunya tanah runtuh di Majlis Perbandaran Kajang.
5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
 - A Hujan lebat yang turun selama tiga hari telah menyebabkan banjir di Bangi.
 - B Penduduk dan pengguna jalan raya sangat berhati-hati untuk melalui Jalan Bangi Lama.
 - C Tanah runtuh tersebut telah menyukarkan penduduk kampung untuk melakukan aktiviti harian mereka.
 - D Laluan Semenyih-Bandar Seri Putra telah ditutup buat sementara waktu oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).
6. Berikut merupakan nasihat yang diberikan oleh MPKJ kepada pengguna jalan raya *kecuali* _____.
 - A perlu lebih berhati-hati sekiranya hujan lebat berlaku lagi
 - B elak menggunakan jalan yang berisiko untuk berlaku tanah runtuh
 - C berhati-hati ketika melalui jalan yang terkesan dengan tanah runtuh
 - D segera menghubungi pihak berkuasa sekiranya berlaku tanah runtuh

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Chan Leng telah menyertai pertandingan melukis dan mewarna sempena sambutan Hari Kebangsaan yang diadakan pada 30 Ogos 20___. Pertandingan itu telah dianjurkan oleh Persatuan Seni Visual SJKC Zao Ying. Pertandingan tersebut telah diadakan bagi *memupuk* semangat patriotisme dalam kalangan murid-murid.

Ramai yang mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut. Walaupun mempunyai pesaing yang ramai, Chan Leng telah mendapat tempat pertama dalam pertandingan tersebut. Hasil karya yang dilukis dan diwarna oleh Chan Leng turut dipilih untuk dipamerkan di bilik seni sekolah tersebut.

BAHAN 2

Pertandingan Melukis dan Mewarna

Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos 20___, Persatuan Seni Visual SJKC Zao Ying akan mengadakan pertandingan melukis dan mewarna bagi *memupuk* semangat Patriotisme.

Kategori : Tahap 1 (Mewarna) dan Tahap 2 (Melukis dan mewarna)
Tarikh : 30 Ogos 20___
Masa : 8.45 pagi hingga 12 tengah hari
Tempat : Dewan sekolah SJKC Zao Ying
Hadiah : Wang tunai kepada pemenang bagi setiap kategori:
Pertama : RM100 dan sijil
Kedua : RM 70 dan sijil
Ketiga : RM 50 dan sijil
*Sepuluh hadiah sagu hati disediakan bagi setiap kategori.

Penyertaan : Murid-murid dikehendaki mendaftar dengan guru kelas masing-masing dan menyerahkan borang penyertaan sebelum 15 Ogos 20___.

7. Perkataan *memupuk* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan _____.

- A merasai
- B memujuk
- C menyemai
- D menjalankan

8. Chan Leng telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan melukis dan mewarna serta menerima hadiah _____.

- A saguhati
- B RM 50 dan sijil
- C RM 70 dan sijil
- D RM100 dan sijil

9. Murid-murid dikehendaki mendaftar dengan guru kelas masing-masing dan menyerahkan borang penyertaan sebelum 15 Ogos 20__.

Kata dasar bagi perkataan bergaris di atas ialah _____.

- A serta
- B nyerta
- C penyerta
- D nyertaan

10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.

- A Semua peserta pertandingan diberi hadiah sagu hati.
- B Pertandingan melukis dibuka untuk murid tahap 1 dan tahap 2.
- C Semua peralatan melukis dan mewarna disediakan oleh pihak sekolah.
- D Pertandingan melukis dan mewarna dianjurkan oleh Persatuan Seni Visual SJKC Zao Ying.

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada hujung minggu yang lalu, keluarga Aizad telah pergi berkelah di Air Terjun Jeram Toi. Mereka bertolak pada jam 7.30 pagi dari rumah. Setibanya di kawasan perkelahan, mereka membentangkan tikar untuk meletakkan makanan yang dibawa. Ayah Aizad turut memasang khemah dibantu oleh abang Aizad.

Kemudian, Aizad dan abangnya bermandi-manda di kawasan air yang cetek sambil diperhati oleh ayah dan ibu mereka. Selain itu, Aizad dan abangnya juga berpeluang memancing ikan bersama ayah mereka. Aizad sungguh gembira kerana dapat menikmati hujung minggu bersama-sama di Air Terjun Jeram Toi.

- (a) Keluarga Aizad berkelah di _____.
[1 markah]

- (b) Apakah aktiviti yang dilakukan oleh Aizad dan abangnya di Air Terjun Jeram Toi?

[2 markah]

- (c) Gariskan **satu kata kerja** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Aizad dan abangnya juga berpeluang memancing ikan bersama ayah mereka.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Aizad dan abangnya bermandi-manda di kawasan air yang cetek sambil diperhati oleh ayah dan ibu mereka.	
Ayah dan ibu mereka memerhati Aizad dan abangnya bermandi-manda di kawasan air yang cetek.	
Ayah Aizad dan abangnya sedang bermandi-manda sambil diperhati oleh ibu mereka di kawasan air cetek.	

[1 markah]